



## **DARI MEJA Pengerusi NUTP Kedah**

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera, Salam Keluarga Malaysia.

Terlebih dahulu saya merakamkan terima kasih kepada semua ahli NUTP Kedah dan keluarga NUTP seluruh Malaysia.

‘Selamat Menyambut Tahun Baru 2023’.

Sesungguhnya , tahun 2023 membuka lembaran baru yang menuntut kita sebagai warga NUTP untuk melakar lebih banyak pencapaian yang signifikan dan mencipta lebih banyak peluang baru. Apa yang pasti, seluruh nuansa ini pastinya boleh ditempuh dengan semangat dan merangkul segala kekuatan yang ada.

Terdahulu ketika negara ditimpa mehnah pandemik COVID-19, ahli NUTP telah memberi komitmen penuh dengan mengambil pelbagai langkah proaktif termasuk Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah(PdPR) bagi memastikan tiada murid yang ketinggalan dalam silibus Pendidikan. Malah NUTP komited dalam melaksanakan pelbagai intervensi untuk merapatkan kesenjangan yang sedia ada. Segala permasalahan ahli, pihak NUTP mencarakin agar memastikan kebajikan ahli sentiasa terbela. Sesi libat urus dengan pihak KPM, JPN dan semua Institusi Pendidikan dibuat bagi memastikan guru-guru tidak di beban dengan tugas yang tidak relevan. Pelaksanaan sesuatu Dasar oleh pihak KPM seharusnya mendapat pandangan dari Kesatuan yang mempunyai ahli seramai 230,000 orang.

NUTP Kedah mempunyai keluarga besar dalam dunia Pendidikan Kedah. Lebih dari 62 peratus dari 19300 guru di negeri Kedah adalah ahli NUTP . Kita mempunyai suara yang besar dari pelbagai kaum untuk menjayakan misi dan visi Jabatan Pendidikan Negeri Kedah. Hubungan yang baik antara NUTP dan JPN kedah akan menjadikan visi dan misi Kementerian berada di landasan sistem Pendidikan yang betul. Sememangnya , sistem pendidikan yang kita warisi pada hari ini telah pun melalui siri-siri pemurnian. Namun kita tidak boleh kompromi dalam kebajikan guru serta kerja -kerja yang tidak relevan yang dicipta oleh pihak yang tidak memahami arah tuju yang jelas. Kerja yang tidak relevan yang dibuat berulang- ulang ,serta data yang dikumpul tanpa tujuan menjadikan guru-guru hilang fokus utama mereka. Pihak NUTP sentiasa mendengar keluhan ahli yang merasakan sesuatu tugas yang tidak relevan itu menjadikan mereka hilang fokus utama mereka.

Dalam kesempatan ini juga, pihak NUTP Kedah merakamkan tahniah kepada Menteri Pendidikan Malaysia .

Sekalung penghargaan kepada Menteri Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat Puan Fadhlina Sidek yang sentiasa mendengar dan meminta pendapat dari pihak NUTP. Baru \_baru ini Presiden NUTP Malaysia, Saudara Aminuddin bin Awang telah dilantik sebagai Anggota Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK) sesi 2023-2025. Tahniah Saudara Presiden yang membawa suara ahli NUTP seramai 230,000. Pemilihan ini, memberi gambaran bahawa pihak Menteri Pendidikan sentiasa mendengar suara pihak Kesatuan yang terbesar di Malaysia. Satu perjumpaan bersemuka antara Menteri Pendidikan dengan semua jawatankuasa NUTP dari seluruh negeri bagi mendengar permasalahan dan beban guru yang dihadapi oleh guru-guru di Malaysia. Perjumpaan ini dijangka akan dibuat pada awal bulan Febuari ini

Seiring dengan kempen keahlian 300,000 orang pada 2025 ini, kita mengharapkan ahli-ahli yang sedia ada untuk sama-sama membawa ahli -ahli baru menyertai keluarga besar NUTP. Apabila kita mempunyai ahli yang ramai, suara kita pasti akan di dengar dan mendapat perhatian dari pelbagai pihak. Ayuh, kita jayakan kempen keahlian baru ini. Nilai Tambah yang dibuat kepada Kad Keahlian NUTP akan memberi kelebihan kepada semua ahli dalam mendapat pelbagai faedah.

Pada tahun ini, semua guru menikmati pelbagai kelebihan hasil dari perjuangan NUTP tanpa henti. Cuti Rehat Khas yang di tambah kepada 15 hari untuk guru yang telah berkhimat melebihi 10 tahun memberi kelebihan untuk guru-guru dalam jangka masa pendek dan panjang.

Guru-guru ahli NUTP Kedah,

Kita juga adalah guru, kita juga adalah penjawat awam, kita juga adalah ahli masyarakat setempat dan kita juga adalah waris kepada anak-anak yang sedang belajar di sekolah. Jadi kita ambil cakna dengan persekitaran kehidupan dan dunia Pendidikan masa kini . InshaaAllah kita sentiasa bersama-sama berusaha memperjuangkan dalam menangani semua hal berkaitan kebajikan guru .

Terima kasih.

***‘Bersatu Kita Berjaya’***

Yang ikhlas,

.....  
(JAAFAR BIN ABDULLAH)

Pengerusi NUTP Cawangan Kedah.